



7 September 2017  
SIARAN MEDIA

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa  
Ketua Pegawai Eksekutif, PBA Holdings Bhd dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **KUMPULAN SYARIKAT PBA TANDATANGANI MOU DENGAN PERSATUAN PERUSAHAAN AIR MINUM SELURUH INDONESIA, PERPAMSI**

- **PBA Resources Sdn Bhd (PBAR), anak syarikat milik penuh PBA Holdings Bhd, menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dua tahun dengan PERPAMSI yang mewakili 436 organisasi utiliti air Indonesia.**

PULAU PINANG, Khamis, 7/9/2017: PERPAMSI (Persatuan Perusahaan Air Minum Seluruh Indonesia) telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) selama dua tahun dengan PBA Resources Sdn Bhd (PBAR), anak syarikat milik penuh PBA Holdings Bhd (PBAHB).

Majlis menandatangani disaksikan oleh Dr. H. Syahrul Yasin Limpo, SH., M.Si., MH, Gabenor Sulawesi Selatan, pada satu majlis ketika berlangsungnya *Indonesia Water and Wastewater Expo and Forum (IWWEF) 2017* pada 6/9/2017 di Kota Makassar, ibu kota Sulawesi Selatan, Indonesia.

MoU ditandatangani oleh Bapak Rudie Kusmayadi, Pengerusi PERPAMSI, dan Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), pengendali bekalan air di Negeri Pulau Pinang. Dato' Ir. Jaseni juga merupakan Pengarah PBAR.

Meliputi tempoh 2017-2019, MoU ini akan membolehkan kerjasama antara PERPAMSI dan PBAR untuk membangunkan kapasiti sumber manusia syarikat utiliti air di Indonesia.

Bidang utama kerjasama termasuk:

1	Teknologi Pengagihan Air
2	Teknologi Rawatan Air

3	Pengurusan Air Tanpa Hasil (NRW)
4	Operasi Empangan dan Keselamatan
5	Pengurusan Pencapaian Modal Insan

Sebanyak 436 ahli utiliti air bernaung di bawah PERPAMSI. Tumpuan utama persatuan ini adalah untuk membantu ahli-ahlinya memperbaiki pencapaian mereka dalam menyediakan perkhidmatan bekalan air.

Berdasarkan MoU, perkara utama yang akan diuruskan oleh PERPAMSI termasuk:

- Promosi, penyelarasan dan pengaturan bagi program latihan industri air yang dijalankan oleh Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) yang diuruskan oleh PBAR;
- Pengurusan pengaturan kewangan untuk program latihan; dan
- Penyediaan dan penubuhan kemudahan untuk program latihan yang akan dijalankan di Indonesia, jika diperlukan oleh anggota PERPAMSI.

Secara ringkas, MoU ini membolehkan PBAR memasarkan dan menjalankan program latihan dan pembangunan sumber manusia di Indonesia secara efektif, dan berkongsi pengetahuan, pengalaman serta kepakaran dalam pengurusan bekalan air lestari dengan pengendali air Indonesia.

Hasil daripada kerjasama Kumpulan PBA dengan PERPAMSI yang sebelum ini termasuk:

- Memenangi *International WaterLinks Award 2011 for Best Water Operator Partnership* (PBAPP dan PDAM Tirta Musi Kota Palembang);
- Melaksanakan program latihan pengurusan NRW, pemasangan paip dan penentukuran meter untuk PDAM Tirtanadi Kota Medan; dan
- Melaksanakan projek NRW dengan PDAM Kota Samarinda.

MoU PERPAMSI-PBAR menandakan inisiatif kolaborasi antarabangsa kedua untuk Kumpulan PBA pada tahun 2017.



Pada 29/5/2017, Syarikat Bekalan Air Thua Thien Hue (HueWACO) dari Vietnam telah menandatangani perjanjian kerjasama dua tahun dengan PBAR di Pulau Pinang.

Di bawah perjanjian HueWACO-PBAR, PBAR dilantik sebagai perunding pengurusan bekalan air HueWACO dan rakan latihan untuk tempoh 2017 - 2019.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa  
Ketua Pegawai Eksekutif, PBA Holdings Bhd dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



6/9/2017: PERPAMSI - PBA RESOURCES SDN BHD MOU SIGNING CEREMONY IN MAKASSAR, SOUTH SULAWESI, INDONESIA.